



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA 2021
Volume 17 Issue 2

COMMITTEE PAGE

Advisory Board

Professor Dr. Mohamad Abdullah Hemdi

Campus Rector

Associate Professor Ts. Dr. Azhari Md Hashim

Deputy Rector, Research and Industrial Linkages Department

Chief Editor

Dr Junaida Ismail

*Faculty of Administrative & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah*

Editorial Team

Aishah Musa,

*Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Etty Harniza Harun,

*Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Mohd Nazir Rabun

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Suhaida Abu Bakar

*Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Board

Professor Dr Diana Kopeva,
University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria

Professor Dr Kiymet Tunca Caliyurt,
Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey

Prof Sivamurugan Pandian,
School of Social Science,
Universiti Sains Malaysia

Dr. Simon Jackson
Faculty of Health, Arts and Design,
Swinburne University of Technology Melbourne, AUST

Professor Dr M. Nauman Farooqi,
Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada

Prof Madya Dr Wan Adibah Wan Ismail
Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi,
Faculty of Administrative Sciences & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azzyati Anuar
Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Neesa Ameera Mohammed Salim
Faculty of Art & Design,
Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Mohd Nasir Ayub
Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Content Reviewer

Associate Professor Dr Zalinda Othman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad
Universiti Sains Malaysia

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Roziya Abu
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Ainul Azmin Md Zamin
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
Universiti Teknologi MARA

Dr Azyyati Anuar
Universiti Teknologi MARA

Dr. Dahlia Ibrahim
Universiti Teknologi MARA

Dr Mahadzir Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Mohd Nasir Ayob
Universiti Teknologi MARA

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Universiti Teknologi MARA

Dr Noorhaslinda Abd Rahman
Universiti Sains Malaysia

Dr Norhidayah Ali
Universiti Teknologi MARA

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman
Universiti Teknologi MARA

Dr Radzliyana Radzuan, AIIA
Universiti Teknologi MARA

Dr Siti Zuliha Razali
Universiti Sains Malaysia

Language Reviewer

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Azlan Abdul Rahman
Universiti Teknologi MARA

Bawani Selvaraj
Universiti Teknologi MARA

Ho Chui Chui
Universiti Teknologi MARA

Juwairiah Osman
Universiti Malaysia Pahang

Nor Aslah Adzmi
Universiti Teknologi MARA

Robekhah Harun
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

Sharina Saad
Universiti Teknologi MARA

Shafinah Mohd Salleh
Universiti Teknologi MARA

Allahyarhamah Zetty Harisha Harun
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

THE LUXURY VALUE PERCEPTION: MALAYSIAN EMOTIONAL INTELLIGENCE TOWARDS PURCHASE INTENTION Arunnaa a/p Sivapathy*, Safwan Marwin Abdul Murad ²	1 -10
THE IMPACT OF HALAL BRAND PERSONALITY AND ONLINE BRAND TRUST ON THE ONLINE HALAL FOOD PURCHASE INTENTION: A CONCEPTUAL PAPER Musdiana Mohamad Salleh*, Etty Harniza Harun ²	11 -24
TAFSIR TEMATIK: ISTILAH AL-FULK DALAM AL-QURAN Siti Aisyah Yusof*, Noor Syahidah Mohamad Akhir ² , Muhammad Saiful Islami Mohd Taher ³ , Azrul Shahimy Mohd Yusof ⁴	25 - 35
AIR MALAYSIA POLLUTION INDEX GENERATION BY USING FUZZY LOGIC AIR QUALITY INDEX (FLAQI) SYSTEM Mohd Fazril Izhar Mohd Idris*, Siti Asma Mohamad Tohir ² , Khairu Azlan Abd Aziz ³	38 - 49
STRESSORS AND ACADEMIC PERFORMANCE AMONG PART-TIME STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA Siti Rapidah Omar Ali*, Nurulain Ajit ² , Nur Shafini Mohd Said ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	50 - 61
KEPENTINGAN DAN SARANAN MENUNTUT ILMU MENURUT ISLAM BERDASARKAN DALIL AL-QURAN DAN AS-SUNNAH Aemy Aziz, Muhammad Anas Ibrahim ² , Muhammad Saiful Islam Ismail ³ , Syaimak Ismail ⁴	62- 71
PREFERENCE TO PURCHASE ENTRANCE TICKETS ONLINE: A CASE STUDY OF ESCAPE PARK, PENANG Khor Poy Hua*, Nur Dinie Mustaqim Abdul Wahab ² , Lim Khong Chiu ³	72 - 89
MODELLING PUBLIC PERCEPTION OF ROHINGYA REFUGEES USING STRUCTURAL EQUATION MODELLING (PLS) IN MALAYSIA Mohd Ramlan Mohd Arshad*, Mohd Na'eim Ajis ² , Aizat Khairi ³	90 - 102
THE INFLUENCE OF SOCIALIZATION ON EMPLOYEES' ASSIMILATION TACTICS IN MALAYSIAN MNC ORGANIZATIONS Kardina Kamaruddin*, Noor Malinjasari Ali ² , Nurul Nadzirah Azizan ³	103 - 131
INTELLECTUAL CAPITAL EFFICIENCY OF LISTED SMES IN MALAYSIA Hapsah S.Mohammad *	132 - 139
THE IMPACT OF JOB STRESS ON JOB SATISFACTION AMONG ACADEMICS OF PUBLIC UNIVERSITY IN SELANGOR Nur Shafini Mohd Said*, Nurfarhana Ilyia Mazelan ² , Siti Rapidah Omar Ali ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	140 - 146
CONTRIBUTING FACTORS ON CUSTOMER RETENTION FOR SUSTAINABILITY OF MALAYSIAN COMMERCIAL BANKS Chim Weng Kong*, Maria Abdul Rahman ²	147 - 157

DETECTION OF THE CORNER POINTS FROM A MAP Siti Sarah Raseli *, Norpah Mahat ² , Afina Amirhussain ³	158 - 163
INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0 & ACADEMIC LIBRARIANS: WHERE ARE WE NOW? Asmadi Mohammed Ghazali*, Abd Latif Abdul Rahman ² , Nor Hidayah Othman ³	164 - 176
EDUCATIONAL CARD GAME FOR CHINESE CHARACTER LEARNING Ting Hie Ling*, Lam Kai Chee ²	177 - 185
THE RELATIONSHIP BETWEEN E-TRAINING, MOTIVATION AND JOB PERFORMANCE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER Nur Atiqah Adnan*, Shaiful Annuar Khalid ²	186 - 198
PENJANAAN HASIL WAKAF MENERUSI KAEDAH IJARAH DALAM KELESTARIAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA Noor Syahidah Mohamad Akhir *, Azrul Shahimy Mohd Yusof ² , Sakinatul Raadiyah Abdullah ³ , Asmadi Mohammed Ghazali ⁴ , Rohayati Hussin ⁵	199 - 209
THE RELATIONSHIP OF CAPITAL STRUCTURE TOWARDS FIRM'S PERFORMANCE: FOCUSING ON THE TECHNOLOGICAL SECTOR Zuraidah Ahmad ¹ *, Nur Liyana Mohamed Yousop ² , Nur 'Asyiqin Ramdhan ³ , Zuraidah Sipon ⁴ , Ruziah A. Latif ⁵ , Suzana Hassan ⁶ , Norhasniza Mohd Hasan Abdullah ⁷ , Ummi Mariah Ismail ⁸	210 - 224
THE MALAYSIAN YOUTH ACCEPTANCE LEVEL ON PLASTIC BAG CAMPAIGN THROUGH THE SOCIAL MEDIA ADVERTISING Noorita bt Mohammad*, Nur Ainiey Aida binti Abdul Ghani ² , Che Ros Alia Che Abdul Ghani ³ , Miza Afifah Mazlan ⁴ , Muhammad Adib Mohammad Bakri ⁵ , Izzul Areef Mohammad Khairi ⁶	225 - 238
MALAYSIAN PRONUNCIATION: IS IT WRONG TO SOUND MALAYSIAN? Nor Asni Syahriza Abu Hassan *, Wan Nurul Fatihah Wan Ismail ² , Nurul Nadwa Ahmad Zaidi ³ , Nurul Hijah Hasman ⁴	239 - 252

KEPENTINGAN DAN SARANAN MENUNTUT ILMU MENURUT ISLAM BERDASARKAN DALIL AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

**Aemy Aziz^{*}, Muhammad Anas Ibrahim², Muhammad Saiful Islam Ismail³,
Syaimak Ismail⁴**

¹*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Sarawak*
²*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Terengganu.*
³*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kedah.*
⁴*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Johor*

ARTICLE INFO

Article history:

Received: Feb 2021

Accepted: May 2021

Published: June 2021

Keywords:

*Menuntut Ilmu, Manusia, Dalil
Al-Quran (Seeking Science
(Ilmu), Man, Al-Quran Proof)*

Corresponding Author:
Aemy@uitm.edu.my

ABSTRACT

Ilmu is a knowledge that covers various aspects of the field of study that is acquired by a person either through the act of learning or acquired through experience. Knowledge is also knowledge that covers matters based on Islamic law, human relationship with God, human relationship with nature, human relationship with humans and knowledge in daily life. Among others, knowledge is also a general form that covers matters related to worldly matters and the hereafter for the benefit of human beings in continuing life. In addition, knowledge also has knowledge that is good and knowledge that is used for evil purposes. Therefore, knowledge covers the knowledge of fardu ain and fardu kifayah that must be demanded by every human being. The importance of seeking knowledge is much discussed in the main propositions of the Qur'an and Sunnah. The demand for human beings to seek knowledge has been clearly explained in both sources. However, in our time human beings are lazy and negligent in seeking and obtaining knowledge. Mankind seems to ignore the demands of seeking knowledge that has been organized in Islam. Therefore, this study will discuss the importance and recommendations of seeking knowledge according to Islam based on the main propositions by bringing propositions and arguments related to the demand for knowledge of human beings. The research method is to analyze the propositions and recommendations found in Islam that invite people to seek and seek knowledge based on the main propositions, namely the Qur'an and the Sunnah, and discuss the

recommendations based on the views of Islamic scholars.

Ilmu merupakan suatu pengetahuan yang meliputi pelbagai aspek bidang kajian yang diperolehi oleh seseorang sama ada melalui tindakan belajar atau di perolehi melalui pengalaman. Ilmu juga merupakan pengetahuan yang meliputi perkara yang berasaskan hukum syarak, hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan alam, hubungan manusia dengan manusia dan ilmu dalam kehidupan seharian. Antara lain ilmu juga berbentuk umum yang meliputi perkara yang berkaitan dengan hal-hal keduniaan dan akhirat untuk dimanfaatkan oleh manusia dalam meneruskan kehidupan. Selain itu, ilmu juga mempunyai ilmu bersifat kebaikan dan ilmu yang bersifat digunakan untuk tujuan kejahatan. Justeru itu, ilmu adalah meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah yang perlu dituntut oleh setiap manusia. Kepentingan menuntut ilmu banyak diperkatakan di dalam dalil utama, iaitu al-Quran dan al-Sunah. Tuntutan untuk manusia mencari ilmu telah diterangkan dengan jelas dalam kedua-dua sumber tersebut. Namun begitu, pada masa kita manusia leka dan lalai dalam pencarian dan mendapatkan ilmu. Manusia seolah-olah mengabaikan tuntutan menuntut ilmu yang telah dianjurkan dalam agama Islam. Oleh itu kajian ini akan membincangkan tentang kepentingan dan saranan menuntut ilmu menurut Islam berdasarkan dalil utama dengan membawa dalil dan hujah berkaitan tuntutan menuntut ilmu terhadap manusia. Metode kajian adalah menganalisis dalil-dalil dan saranan yang terdapat dalam Islam yang mengajak manusia mencari dan menuntut ilmu berdasarkan dalil utama, iaitu al-Quran dan as-Sunnah, serta membahaskan saranan tersebut berdasarkan pandangan cendekiawan Islam.

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

1. Pengenalan

Merujuk kepada surah Al-Ala'q ayat 1-5 yang bermaksud "Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dialah (Allah SWT) yang menciptakan manusia daripada seketul darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah, yang mengajarkan manusia dengan perantaraan kalam. Dialah yang mengajarkan manusia apa-apa yang diketahunya" jelas menunjukkan bahawa Allah SWT adalah pemilik mutlak keatas setiap ilmu yang ada di muka bumi. Ilmu bersifat terbuka dimana sumber untuk memperolehi ilmu adalah sentiasa terbuka dan tidak terbatas kepada al-Quran dan al-Sunnah sahaja. Islam memberikan kebebasan kepada manusia untuk mengambil ilmu dari sumber yang benar sama ada melalui kajian, pemerhatian dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, hasil atau dapatan daripada sumber yang bertentangan dengan kenyataan al-Quran dan al-Sunnah adalah ditolak. Sumber ilmu tidak semestinya datang daripada orang Islam sahaja bahkan Islam menggalakkan umatnya untuk

mengambil ilmu dari siapa sahaja asalkan tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah. Ada rujukan-rujukan ilmu yang datang dari barat seperti daripada pemikir barat, iaitu Albert Einstein dalam bidang fizik atau Adam Smith dalam bidang ekonomi. Namun begitu terdapat juga sarjana-sarjana Islam yang turut menjadi rujukan para ahli akademik dunia dan komited dalam pencarian ilmu seperti al-Kindi dalam bidang perubatan Islam dan falsafah Islam ataupun al-Farabi seorang ahli sains dan matematik (Abubakar Madani, 2015). Terdapat juga ilmu yang datang melalui kajian saintifik, penyelidikan dan penerokaan di dalam kajian bagi menghasilkan sesuatu maklumat atau ilmu baru (Yusuf Lubis & Akhyar, 2014). Walau dari mana pun sumber ilmu itu datang, ilmu itu berperanan untuk memberi petunjuk dan panduan kepada manusia supaya tidak sesat dan jahil di dalam setiap perbuatan dan tindakan di masa hadapan.

2. Kajian Lepas

Dalam penulisan Adibah Sulaiman@Mohamad, Ezad Azraai Jamsari dan Nurliyana Mohd Talib (2016) telah membincangkan pandangan daripada al-Hadi yang merupakan seorang tokoh yang berketurunan Arab Hadramaut merupakan seorang tokoh reformis di Tanah Melayu pada akhir abad ke- 19M dan awal abad ke-20M. Kajian ini membahaskan konsep ilmu menurut pandangannya serta tujuan dan matlamat dalam mencari ilmu. Dalam penulisan ini menjelaskan tujuan menuntut ilmu itu untuk manusia selaraskan bidang ilmu yang diperolehi dengan tuntutan dan kehendak dunia masa kini. Dengan ilmu manusia dapat mencapai matlamat yang diinginkan dan untuk memajukan sesuatu peradaban perlulah menggunakan ilmu.

Menurut Retna Dwi Estuningtyas (2018) telah membahaskan konsep ilmu dalam aspek keutamaan seperti terdapat ilmu yang bersifat daruriah yang melibatkan ilmu hukum dan suruhan yang telah di perintahkan oleh Allah kepada manusia, ilmu ini menjadi tuntutan kepada manusia untuk menguasainya seperti ilmu berkaitan ibadah dan tauhid. Selain itu terdapat juga ilmu perubatan dan perundangan yang bersifat sebagai ilmu tuntutan keduniaan yang perlu untuk manusia penuhi bagi menjamin kehidupan yang baik di dunia. Selain itu beliau turut mengupas petikan-petikan dalil daripada al-Quran dan al-Hadis yang menggesa dan mengarahkan manusia untuk menuntut ilmu.

Zakaria Stapa (2012) pula menjelaskan bahawa secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi setelah Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS, di mana dalam surah *al-Baqarah* telah menggambarkan bagaimana Allah SWT mengajar Nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini ialah untuk kemudahan Nabi Adam AS dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan konsep menuntut ilmu kepada setiap manusia. Manusia itu perlu mencari ilmu bagi meneruskan kehidupan di atas muka bumi. Ilmu itu bersifat penyuluh kepada manusia.

Kajian terakhir menurut Husnul Khotimah (2014) telah membincangkan sumber rujukan dalam mencari ilmu yang melibatkan sumber utama seperti al-Quran dan as-Sunnah, serta sumber-sumber lain seperti melalui kajian, pemerhatian dan penyelidikan. Selain itu beliau mengariskan istilah-istilah yang diguna pakai di dalam al-Quran berkaitan konsep ilmu seperti *alim*, *mu'allim*, *alama* dan *ta'allamu* yang merujuk kepada orang yang berilmu dan saranan untuk manusia menuntut ilmu.

3. Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan elemen yang penting untuk menghasilkan sesuatu kajian berbentuk ilmiah. Selain itu juga dengan adanya objektif kajian, analisis dan dapatan kajian tidak akan menyimpang dari matlamat utama di dalam sesuatu kajian. Oleh itu, dalam kajian ini objektif utama adalah untuk *"menjelaskan dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah berkaitan kepentingan dan saranan menuntut ilmu keatas manusia"*.

4. Metodologi Kajian

Dalam mencapai objektif kajian ini beberapa kaedah atau metode kajian telah dikenal pasti agar boleh digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang ditemui. Berdasarkan data yang diperolehi telah dikumpul dan dianalisis hasil kajian yang diperolehi mampu mencapai matlamat kajian yang dikehendaki dan berautoriti.

Secara umumnya, penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah pengumpulan data, iaitu melalui penyelidikan perpustakaan, bahan ilmiah dan kajian keatas tafsir al-Quran dan Hadis secara mendalam yang membincangkan tentang ilmu. Data yang diperolehi adalah daripada bahan-bahan yang terdiri daripada kajian ilmiah dan kajian sarjana, tafsir al-Quran, kitab-kitab *thurath*, jurnal dan pelbagai bahan lagi yang terdapat di perpustakaan atau pusat sumber ilmu.

Bagi menganalisis data pula, metode analisis data telah digunakan iaitu metode induktif. Metode induktif ialah kaedah menganalisis data dengan mencari pembuktian daripada dalil yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum. Dalam metode ini, sumber rujukan perpustakaan, tafsir al-Quran dan al-Sunnah, jurnal dan bahan ilmiah yang lain akan dianalisis dan diperincikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang di inginkan. Metode ini juga digunakan untuk memperincikan dalil-dalil yang khusus yang menekankan konsep ilmu dan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam.

5. Konsep Ilmu

Dari segi bahasa, istilah ilmu itu berasal daripada bahasa Arab, iaitu " *alima* (علم), *ya'lamu* (يعلم), 'ilmun (علما), 'alimun (عالم) " manakala dalam bahasa Inggeris pula iaitu " Science ". Dari segi istilah pula Imam Al-Ghazali telah mendefinisikan ilmu sebagai hakikat semua benda. Beliau juga mengatakan ilmu yang paling sempurna ialah ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT. Justeru itu, ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT itu sangat luas untuk di terokai oleh manusia. (Wan Mohd Nor Wan Daud,1994).

Ibnu Khaldun mendefinisikan ilmu sebagai sesuatu yang dapat dipelajari atau diterokai oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman-pengalaman, mahupun dengan pertolongan wahyu Ilahi. Sumber untuk mendapatkan ilmu itu sangat luas untuk di terokai oleh manusia. (Uthman el-Muhammady,1977). S.M. Naquib Al-Attas (2007) pula mendefinisikan ilmu sebagai ketibaan sesuatu makna ke dalam jiwa seseorang hasil daripada maklumat atau ketibaan oleh hati tentang makna sesuatu perkara atau maklumat. Ilmu merupakan suatu sistem yang menghasilkan kebenaran dan salah satu daripada usaha manusia untuk memperadabkan dirinya melalui cara memajukan tingkat kehidupan manusia daripada aspek jasmani dan rohani melalui ilmu.

Qadi Abd Jabbar mendefinisikan ilmu sebagai suatu kepercayaan yang memuaskan jiwa, bahawa objek yang dipercayai itu adalah menepati perkara yang sebenarnya menurut realiti

yang berlaku. Prof Dr. Othman Bakar mendefinisikan ilmu sebagai kalimah Allah yang pengertiannya amat luas, hanya Allah sahaja yang mengetahui. Ilmu lahir dan berkembang atas asas tertentu. Ia dihubungkan dengan teori dan asal usul ilmu yang disebut sebagai epistemologi. Epistemologi sesuatu ilmu mempunyai landasan dan tapak tertentu dan berdasarkan ilmu terbina, berkembang dan membentuk perspektif atau tasawwur seseorang tentang sesuatu. Manusia yang berilmu itu mampu menjauhi dirinya daripada sesuatu perkara yang buruk. (Sidek Baba, 2011)

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah maksud ilmu itu adalah pengetahuan yang dapat diperolehi oleh seseorang itu melalui pengalaman, perolehan maklumat secara dapatan empirik dan bagaimana manusia memikirkan tentang sesuatu melalui kaedah tertentu. Ilmu itu juga sesuatu yang boleh diukur sama ada ilmu itu bersifat baik untuk di gunakan, atau ilmu itu boleh mendatangkan keburukan dan kemudharatan kepada manusia. Bagi pandangan Barat pula, mereka hanya menerima ilmu melalui perkara yang dapat diukur dan dibuktikan dalam makmal sahaja.

6. Kepentingan dan Saranan Menuntut Ilmu Berdasarkan Dalil al-Quran dan as-Sunnah

Kedatangan agama Islam kepada manusia telah membawa saranan, gesaan menuntut, menyebarkan dan memuliakan ilmu. Hal ini dibuktikan melalui wahyu yang pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dengan jelas mewajibkan pencarian ilmu. Wahyu tersebut, iaitu merujuk kepada ayat 1-5 surah al-'Alaq yang bermaksud:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

(QS. Al-

'Alaq : 1-5)

Manifestasi wahyu pertama merujuk kepada kalimah *Iqra'* yang diturunkan kepada manusia jelas meletakkan kepentingan dan kedudukan ilmu dalam kehidupan manusia. Islam telah memerintahkan umatnya untuk mencari ilmu agar boleh mengambil tempat dan kedudukan yang sewajarnya sebagai khalifah Allah dan sebagai seorang pemimpin di muka bumi ini. Ilmu sangat dipentingkan oleh Islam sehingga terdapat lebih kurang 800 rujukan yang berkaitan dengan ilmu di dalam al-Quran. Jelaslah bahawa untuk melahirkan seorang modal insan dan khalifah yang baik perlu di mulai dengan pendedahan kepada ilmu (Sulaiman Nordin, 2008).

Oleh itu agama Islam ini dapatlah dikatakan sebagai tertegak atas dasar ilmu dan pengetahuan. Tanpa ilmu dan pengetahuan manusia itu tidak akan dapat mengenal *Khaliq* dan seterusnya tidak dapat berbakti kepada-Nya. Perkataan "ilmu" disebut kira-kira 750 kali dalam al-Quran melalui pelbagai bentuk (Syed Muhammad Dawilah, 1993). Bagi Orang yang berilmu pula, mereka diberikan pujian dan dipandang mulia di sisi Islam. Hal ini dapat kita lihat melalui banyak ayat al-Quran antaranya, firman Allah SWT dalam surah *al-Zumar* ayat 9 yang bermaksud:

"Katakanlah: Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu".

(QS. Al-

Zumar : 9)

Selain itu, di dalam al-Quran, terdapat juga beberapa ayat yang membicarakan tentang kehendak Allah untuk memberikan ilmu kepada sesiapa sahaja yang diingini oleh-Nya. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 269 jelas menerangkan berkaitan perkara tersebut:

"Allah memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan bererti ia telah diberikan kebaikan yang banyak".

(QS. Al-'Baqarah : 269)

Selain itu terdapat di dalam al-Quran membicarakan tentang orang yang berilmu itu ialah orang yang faham dan takut kepada Allah dan perintah Allah SWT. Ini disebabkan orang yang berilmu itu faham dan jelas tentang balasan yang menanti bagi golongan yang mungkar. Hal ini di jelaskan dalam firman-Nya dalam surah al-Faatir ayat 28 yang bermaksud:

" Sesungguhnya orang yang takut kepada Allah ialah orang yang berilmu".

(QS. Al-'Faatir : 28)

Di samping itu juga terdapat dalil di dalam al-Quran yang menyuruh dan menggena manusia agar mencari ilmu sebagai bekalan dan pendinding diri dari melakukan maksiat dan kejahatan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mulk ayat 10:

السَّعِيرِ أَصْحَابِ فِي كُنَّا مَا نَعْقِلُ أَوْ نَسْمَعُ كُنَّا لَوْ وَقَالُوا

Maksudnya: "Dan mereka berkata: "Sekiranya kami mendengarkan atau memikirkan (peringatan itu) niscaya tidaklah kami termasuk penghuni-penghuni neraka yang menyala-nyala".

(QS. Al-Mulk

: 10).

Dalam al-Quran juga menjelaskan tentang tujuan ilmu itu diturunkan dan di minta oleh manusia untuk mencarinya. Antara tujuan utamanya adalah untuk manusia itu mengenal siapa pencipta mereka hasil daripada ilmu yang diperolehi. Firman Allah SWT dalam surah al-Jumuah ayat 2 yang bermaksud:

"Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah (al-Sunnah). dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata".

(QS. Al-Jumuah

:2)

Di samping itu, dalam al-Quran juga ada menjelaskan bahawa golongan yang paling takutkan Allah di kalangan hambanya adalah terdiri dalam kalangan orang yang berilmu. Ayat tersebut terdapat di dalam surah *al-Fathir* ayat ke 28:

الْعُلَمَاءُ عِبَادِهِ مِنَ اللَّهِ يَخْشَىٰ إِنَّمَا

"Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama"

(QS. Fathir: 28)

Ibnu Katsir *rahimahullah* berkata, "Sesungguhnya yang paling takut pada Allah dengan takut yang sebenarnya adalah para ulama (orang yang berilmu). Hal ini disebabkan mereka adalah golongan yang paling mengetahui tentang kekuasaan Allah dan kehebatan Allah SWT serta hal-hal berkaitan hari kiamat, azab neraka, seksaan kubur dan perkara-perkara ghaib.

Seterusnya Allah SWT dan Rasul memuji golongan yang belajar dan mengajar al-Quran. Membaca al-Quran itu adalah satu ibadah. Al-Quran merupakan sumber utama dalam pelbagai bidang ilmu kerana kesahihannya. Contohnya, ilmu sains (proses kejadian manusia, kejadian siang dan malam). Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

" Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegangdengan kedua-duanya iaitu kitabullah (al Quran) dan sunnah nabi-Nya".

(Hadis riwayat Imam Malek)

Peranan akal yang lain ialah untuk mempelajari wahyu Allah dan untuk memahami apa yang diperintah dan apa yang disuruh oleh-Nya. Justeru itu, akal yang baik menyebabkan seseorang itu berilmu dan mengangkat seseorang supaya mendapat kedudukan yang mulia. (Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus, 1999). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah *al-Mujadalah* ayat 11 yang bermaksud:

"Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu ; dan (Allah meninggikan) orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) beberapa darjat"

(QS. Al-Mujadalah:

11)

Dalam hadis lain nabi bersabda tentang keistimewaan akal, sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh al-Tabarani yang bermaksud :

"A isyah telah menceritakan, "Di mana aku telah bertanya Rasulullah, "Wahai Rasulullah ; dengan apa manusia itu berbeza darjat kelebihanannya dalam kehidupan di dunia?" Jawab baginda, "Dengan akal." Aku bertanya lagi, "Bagaimana pula dalam kehidupan akhirat? Bukankah manusia itu dibalas menurut kadar amalan mereka?" Jawab Rasulullah, "Wahai Aisyah; Bukanlah mereka beramal menurut kadar akal yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Maka mengikut kadar akal itulah amalan mereka dan mengikut kadar amalan itu pulalah mereka dibalas."

(Hadis riwayat Imam al-Tabarani)

Berdasarkan prinsip tersebutlah maka akal yang waras merupakan syarat *taklif* dan seseorang itu layak dikenakan tanggungjawab, sama ada dalam urusan akidah serta ibadat di dalam Islam (Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus, 1999).

Al-Sunnah merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran. Al-Sunnah ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada dalam perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat-sifatnya. al-Sunnah juga banyak memperkatakan seluruh bidang ilmu termasuk ilmu kesihatan, kemasyarakatan, akhlak dan sebagainya Firman Allah SWT dalam surah *al-Hasyr* ayat 7 yang bermaksud;

" Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya...."

(QS. Al-
Hasyr: 7)

Berdasarkan kepada perincian dan huraian dalil yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah berkaitan saranan dan kepentingan menuntut ilmu, jelaslah di sini bahawa manusia perlu untuk menuntut dan mendalami ilmu sebagai bekalan di dalam diri. Tujuannya supaya manusia yang berilmu tidak terdedah dengan perkara-perkara buruk ataupun kesesatan dalam ilmu serta perkara lebih-lebih lagi kesesatan melibatkan urusan agama. Ilmu yang baik akan memandu manusia dalam memahami sebarang urusan dunia, lebih-lebih lagi urusan berkaitan agama. Dengan ilmu juga manusia dapat membimbing masyarakat ke jalan yang benar dan membantu membangunkan mereka mengikut acuan ilmu yang betul. Manusia haruslah mendapatkan guru yang baik dalam menuntut ilmu supaya guru tersebut dapat membimbingnya ke jalan yang baik dan diredai Allah SWT.

7. Kesimpulan

Ilmu adalah suatu anugerah Allah SWT yang sempurna kepada manusia sejak zaman Nabi Adam AS lagi. Dengan ilmu manusia bukan sahaja mampu untuk memahami sesuatu yang tidak mereka fahami sebelumnya, bahkan mereka tahu menggunakan sesuatu yang dianugerahkan kepada mereka untuk membezakan sesuatu yang baik atau buruk dalam kehidupan. Dengan ilmu pengetahuan juga manusia dapat mengenali Allah SWT yang mencipta seluruh makhluk di muka bumi ini. Ilmu adalah bersepadu, tidak terpisah dari agama, nilai moral dan akhlak. Pemisahan akan menyebabkan ilmu hilang manfaatnya dan membawa kesengsaraan kepada manusia. Oleh itu, antara agenda besar umat Islam kini ialah pengislaman ilmu iaitu mengembalikan ilmu itu kepada penciptanya. Sesungguhnya dari Allah SWT. ilmu itu datang dan menjadi kewajiban kita untuk menghubungkan kembali ilmu itu kepada PenciptaNya. Islam adalah suatu sistem yang melibatkan cara hidup yang sempurna, menyeluruh dan lengkap merangkumi aspek-aspek sosial, ekonomi, pendidikan, politik, pentadbiran, falsafah, sastera, kebudayaan, ilmu sains dan sebagainya. Dalam Islam, berfikir secara objektif dan membuat penyelidikan secara saintifik adalah amat dituntut. Sesungguhnya, pengkajian dan pemikiran secara saintifik atas alam tabii ialah satu cara dalam Islam untuk mengenal Allah SWT sebagai pencipta seluruh alam.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang menjayakan perbincangan ini secara langsung dan tidak langsung. Diharapkan ilmu dan maklumat yang dibincangkan dapat memberi input yang berguna kepada semua pembaca dan pengkaji yang ingin menghasilkan kajian yang lebih mendalam berkenaan topik ilmu dan sumber ilmu pada masa akan datang.

Rujukan

Al-Quran dan Tafsir al Quran Pimpinan Rahman

Abdullah Al-Qari Bin Hj Salleh, 1978, Dasar-dasar Pendidikan Islam.

Abubakar Madani (2015) Pemikiran Filsafat Al-Kindi, jurnal Lentera, Vol. IXX, No. 2. Indonesia

Adibah Sulaiman, and Ezad Azraai Jamsari, and Nurliyana Mohd Talib, (2016) *Konsep ilmu menurut perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi*. Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 38 (2). pp. 93-102. ISSN 0216-5636

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1990. The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul. Kuala Lumpur: ISTAC.

Asma Hasan Fahmi, 1979, Sejarah Filsafah Pendidikan.

Haron Din, 1985, Manusia dan Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Imam Al-Ghazali, Terjemahan Syed Muhamad Dawilah Syed Abdullah. Ihya ulumuddian. Khusnul Khotimah, (Jun 2014) Paradigma Dan Konsep Ilmu Pengetahuan Dalam Al Qur' An, Epistemé, Volume 9, Nomor 1, MTs Babussalam Pagelaran Malang.

Ramli Bin Awang etc, 1996, Konsep Ilmu dan Kosmologi. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Retna Dwi (Julai 2018) Ilmu Dalam Perspektif Al-Qur'an, QOF, Volume 2 Nomor 2 Estuningtyas Universitas Ibnu Chaldun (UIC) Jakarta

SMN al-Attas 2007. Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Siddiqui, Bakhtiar Husain. 1991. Knowledge: An Islamic Perspective. Islamabad: International Institute of Islamic Thought.

Sidek Baba (2011). Tajdid Ilmu dan Pendidikan. Kuala Lumpur : Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.

Sulaiman Noordin (2011). Sejarah Pemikiran 2. Bangi : Pusat Pengajian Umum UKM

Sulaiman Noordin (2008). Sejarah Pemikiran 1. Bangi : Pusat Pengajian Umum UKM

Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus (1999). Epistemologi Islam : Teori Ilmu dalam Al-Quran. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian AlQuran (30 Juzuk). Kuala Lumpur: Darul fikir, Abdullah Bin Muhammad Basmeih. 2001.
- Uthman el-Muhammady (1977). Memahami Islam, Insan, Ilmu dan kebudayaan. Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus (1999). *Epistemologi Islam : Teori Ilmu dalam Al Quran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1994). *Konsep Ilmu dalam Islam*. (Terj. Rosnani Hashim). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2003. Budaya Ilmu: Satu Penjelasan. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Yusuf Lubis, Akhyar. (2014). *Filsafat Ilmu Klasik Hingga Kontemporer*. Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada.
- Zaini Ujang. 2009. Memperkasa Budaya Ilmu: Konsep dan Amalan. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Z.Ariefin Fanany AT, 1984, Ad-Dienul Qayyim Sebagai Satu Konsepsi Hidup dan Kehidupan, jilid I, (Edisi Terbatas), Cibadak, Yayasan An-Naba. Indonesia
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shahrudin, (2012) Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

e-ISSN: 2682-7840